# PERUTUSAN PENGARAH



Alhamdulillah, marilah kita memanjat kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana atas limpah kurnia dan hidayah-Nya kita diberikan kesempatan untuk meneruskan kehidupan dan menggalas segala tanggungjawab yang telah diamanahkan. Tahun 2015 telah berlalu dengan pelbagai peristiwa yang akan menjadi satu lipatan sejarah bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Terima kasih kepada seluruh warga PPAS yang telah melaksanakan tugas dengan baik, melaksanakan tanggungjawab dengan amanah serta jujur kea rah matlamat yang tinggi untuk pembangunan insan seluruh Negeri Selangor.

Pelan strategic Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) 2016 – 2020 merupakan 'blue-print' yang bakal memandu warga kerja kea rah budaya kerja yang lebih berkualiti dan berdaya saing selaras dengan transformasi pentadbiran kerajaan dalam merealisasikan *'Transform Libraries, Transform Societies'* . Untuk tempoh 2016 – 2020, PPAS mengemaskini Misi, Visi dan Objektif Jabatan agar ia menjadi lebih segar dan menepati peranan Jabatan dalam era transformasi teknologi dan komunikasi maklumat masa kini.

Makmal Perancangan Pelan Strategik 2016 – 2020 ini telah diadakan pada pertengahan Disember 2015 untuk mengkaji semula dan menilai pencapaian pelan tindakan bagi tempoh 2011 – 2015 serta membuat pengubahsuaian Pelan Strategik bagi tahun 2016 – 2020. Makmal ini merupakan wadah terbaik untuk memperkasakan sistem penyampaian perpustakaan di samping melahirkan idea dan strategi baru yang mampu mengubah lanskap persepsi masyarakat terhadap perpustakaan.

Justeru semasa pelaksanaan makmal yang disertai oleh pegawai-pegawai kanan PPAS yang turut diketuai oleh saya sendiri telah menggariskan 3 teras utama yang akan menjadi tulang belakang kepada pencapaian misi dan visi Jabatan. Setiap teras turut menyediakan Pelan Tindakan yang komprehensif dengan memberi fokus kepada setiap sasaran tertentu dan diangkat sebagai Petunjuk Prestasi bagi memudahkan penilaian pencapaian pada masa akan datang. Dengan adanya Pelan Strategik ini, ia akan dijadikan panduan dan halatuju seluruh warga Jabatan.

Sebagai asas bagi menyokong pencapaian tiga teras ini, jentera pelaksana yang dinamik, berupaya dan mahir dibangunkan supaya sistem penyampaian sumber maklumat dapat memenuhi kehendak golongan sasar. Dalam hubungan ini, kerjasama daripada semua pegawai dan kakitangan PPAS untuk bekerjasama sebagai satu pasukan dan untuk melaksanakan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komited adalah diperlukan bagi mencapai misi, visi dan objektif Jabatan. Seluruh warga kerja PPAS mempunyai peranan yang cukup penting dan kita perlu bersama-sama berusaha dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing supaya pelan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Oleh itu di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada warga kerja PPAS yang telah sama-sama bertungkus-lumus menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing, serta kepada semua pihak yang bekerjasama dalam menjayakan pelbagai penganjuran program dan aktiviti. Saya juga menyusun jari memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kelemahan dari pihak pengurusan PPAS dalam melaksanakan segala perancangan bagi tahun 2015.

**Puan Hajjah Mastura binti Haji Muhamad,** *S.I.S*
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

# BAB 1




# PENDAHULUAN

# LATAR BELAKANG JABATAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor adalah sebuah agensi Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor. Penubuhannya bermula melalui **Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No.5, bertarikh 27 Mac 1969 serta Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan).**

Bermula dengan pengambilalihan Kuala Lumpur Book Club sebagai Ibu Pejabat pada tahun 1971, perpustakaan-perpustakaan dikembangkan ke semua sembilan daerah dengan penubuhan Perpustakaan Daerah, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Bergerak, Perpustakaan Pekan dan Perpustakaan Desa.

Sehingga kini, PPAS mempunyai 1 perpustakaan ibupejabat, 7 buah Perpustakaan Daerah, 4 Perpustakaan Cawangan, 9 Perpustakaan Pekan, 56 buah Perpustakaan Desa Negeri dan 16 Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia, 3 unit Perpustakaan Bergerak yang menjalankan perkhidmatan ke 72 perhentian di luar bandar di seluruh Negeri Selangor. Perpustakaan ini telah memberikan perkhidmatan meliputi semua keperluan pembacaan, pembelajaran dan rekreasi serta perkhidmatan IT.

Kini, dengan perkembangan fungsi dan pertambahan peranannya, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor juga menjalankan aktiviti **di 96** buah premis di seluruh Negeri Selangor dan terbaru beribu pejabat di alamat berikut :

**Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor**
**Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13**
**40100 Shah Alam,**
**Selangor Darul Ehsan**

**No Faks :**

email PPAS ialah **info@ppas.gov.my**

email**infoppas@yahoo.com**akan digunakan sebagai *alternate e-mail*

# STRUKTUR ORGANISASI

Pengurusan PPAS diketuai oleh seorang pengarah (S52), dibantu oleh seorang Pustakawan Gred (S48), 3 orang Ketua Seksyen Gred (S44) dan 8 Ketua Bahagian Gred (S41). Terdapat **181** kakitangan tetap **dan 34** kakitangan kontrak dan **22** Pekerja Sambilan Harian.

Untuk melaksanakan objektif PPAS dengan sepenuhnya dan perkhidmatan perpustakaan dengan cekap dan tepat organisasi dibahagikan kepada 3 seksyen yang berikut :

## 1.1 Bahagian-bahagian di Bawah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Struktur organisasi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor terbahagi kepada 3 Aktiviti utama iaitu Aktiviti Pengurusan, Sokongan / Teknikal, Perkhidmatan Pelanggan. Dibawah aktiviti ini terdapat 12 Sub-Aktiviti di mana di bawahnya terdapat bahagian-bahagian seperti berikut :

**a) Aktiviti Pengurusan**

i) Sub-Aktiviti Pengurusan

- Khidmat Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
- Kualiti
- Kewangan
- Aset

- Pembangunan & Penyelenggaraan
- Korporat

**b) Aktiviti Sokongan / Teknikal**

i) Sub Aktiviti Sokongan / Teknikal

- Pembangunan dan Perancangan Koleksi
- Pendokumentasian
- Teknologi Maklumat
- Knowledge Management

**c) Aktiviti Perkhidmatan Pelanggan**

i) Sub Aktiviti Perkhidmatan Pelanggan

- Perkhidmatan Pelanggan Shah Alam
- Perkhidmatan Rujukan & Penyelidikan
- Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan
- Gerakan Literasi

# FUNGSI

1. **Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan-perpustakaan di daerah**

2. **Menyediakan pra sarana bagi memudahkan masyarakat mendapatkan ilmu dan maklumat terkini**

3. **Mengurangkan jurang digital di antara masyarakat Bandar dan luar Bandar**

4. **Membudayakan masyarakat dengan budava membaca**

5. **Membantu merealisasikan agenda dan wawasan Kerajaan Negeri**

# PIAGAM PELANGGAN

**Piagam Pelanggan diwujudkan bagi menjamin perkhidmatan yang berkualiti, cepat, cekap dan memenuhi kehendak pelanggan.**

**Piagam Pelanggan PPAS adalah**:

1. Memproses permohonan pendaftaran keahlian perpustakaan dalam tempoh satu (1) jam hari bekerja.
2. Memastikan urusan pinjaman bahan perpustakaan diselesaikan dalam tempoh dua (2) minit bagi setiap pelanggan kecuali waktu
3. Memastikan bahan perpustakaan perolehan terkini tersedia di atas rak untuk rujukan pelanggan Shah Alam dalam tempoh dua (2) minggu.
4. Perkhidmatan rujukan bersedia membantu anda untuk mengesan bahan maklumat tidak lebih daripada satu (1) hari.
5. Memberi maklumbalas kepada aduan yang lengkap kepada pengadu dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.

# PUNCA KUASA

**Dalam melaksanakan fungsinya, PPAS tertakluk kepada peruntukan di bawah :**

**Enakmen-Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. 1968 yang diwartakan di dalam Warta Kerajaan No.5 bertarikh 27 Mac 1969 serta Warta Kerajaan**

**No 7, 1975 (pindaan)**

# STAKEHOLDERS & PELANGGAN

Warga PPAS dan pihak-pihak atasan yang berkepentingan (secara langsung ke atas PPAS) termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PPAS) secara langsung ke atas PPAS



| PERSEKUTUAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|

**PELANGGAN PPAS :** Pelanggan PPAS meliputi masyarakat awam yang berbilang bangsa dan kategori (Dewasa, Remaja, Kanak-kanak dan Bayi), di Kementerian jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang mendapat perkhidmatan secara langsung daripada PPAS

# BAB 2



# HALA TUJU STRATEGIK

## HALA TUJU STRATEGIK PPAS 2016-2020

PPAS telah merangka perancangan strategik 5 tahun (**2016-2020**) yang merupakan kesinambungan kepada perancangan strategik sebelumnya. Tujuan perancangan strategik ini adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak stakeholders dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dan mengambil kira aspek kewangan yang ditentukan.

Keperluan menimba ilmu pengetahuan terus menjadi agenda penting selaras dengan dasar dan hasrat kerajaan negeri Selangor.
Selaras dengan ini, sektor perkhidmatan perpustakaan perlu melaksanakan penjenamaan semula secara menyeluruh bagi memenuhi keperluan akses ilmu dan maklumat , di samping melahirkan generasi yang yang cemerlang, terbilang dengan tidak meninggalkan pembangunan modal insannya.

Konsep Blue Ocean Strategy (Strategi Laut Biru), telah digunakan semasa perancangan Pelan Strategik bagi penjenamaan semula PPAS.

# VISI

Menjadi Pusat Pembelajaran sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan spiritual, emosi dan intelektual

## PENERANGAN VISI

*Penetapan visi ditetapkan sebagai berlandaskan peranannya sebagai institusi ilmu yang bakal membantu melahirkan generasi yang berakhlak tinggi dan seiring dengan pembangunan modal insan.*

# MISI

**Memperkaya dan memperkasa masyarakat melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah capai dan berkualiti tinggi.**

**Membangun prasarana perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.**

**Merealisasikan sebuah pusat pengumpulan Koleksi Negeri.**

# Membantu Kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

- ✓ **PENERANGAN MISI 1**

*PPAS sebagai salah satu institusi ilmu dinegeri ini bertanggungjawab membekalkan pelbagai perkhidmatan yang bersesuaian dengan rakyat disamping menyediakan kemudahan pengaksesan maklumat yang berkualiti tinggi. Memudahkan rakyat mendapatkan bahan bacaan dan akses kepada maklumat tanpa sempadan.*

- ✓ **PENERANGAN MISI 2**

*Bagi merealisasikan Perpustakaan Sebagai Rumah Kedua ku, PPAS memberi penekanan kepada pembangunan prasana yang selesa dan kelengkapan perpustakaan yang moden dan terkini.*

- ✓ **PENERANGAN MISI 3**

*PPAS juga diberi tanggungjawab untuk mengumpul, memelihara dan mendokumentasikan semua terbitan negeri/tempatan sebagai warisan kecemerlangan negeri yang bernilai serta dipelihara dengan selamat dan sistematik untuk sumber rujukan Selangor Info Hub. Aktiviti-aktivti pengumpulan Koleksi Negeri ini dipergiatkan dengan jalinan kerjasama agensi kerajaan dan swasta serta badan /korporat. Kemantapan Selangor Info Hub bakal menjadikan PPAS sebagai pusat penyelidikan diperingkat kebangsaana serta antarabangsa,*

✓ **PENERANGAN MISI 4**

*Seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial, PPAS [illegible] melaksanakan program dan aktiviti yang berteraskan nilai-nila[illegible] modal insan serta generasi yang sempurna. Disamping [illegible] beberapa [illegible] baru yang lebih proaktif dan kreatif dalam membantu mengurangkan kadar jenayah sosial.*

---

## LOGO

**A** - mewakili orang awam/ahli perpustakaan.

Warna jingga - melambangkan kreativiti, kejayaan dan galakan.

Warna coklat pudar - melambangkan persekitaran dunia ilmu.

Warna hijau muda - melambangkan kebijaksanaan dan kearifan

Warna kelabu - melambangkan kekuatan dan kekuasaan.

## MOTO

**"Selangkah ke Perpustakaan Sejuta Senyuman,**

**Sekali Klik Sejuta Maklumat"**

## TAGLINE

**"Perpustakaan Rumah Kedua Ku**

**Library My second home"**



# MOTO

**"Selangkah ke Perpustakaan Sejuta Senyuman,**
**Sekali Klik Sejuta Maklumat"**



# TAGLINE

**"Perpustakaan Rumah Kedua Ku
Library My Second home"**

# NILAI BERSAMA

## KERJA BERPASUKAN




## MESRA PELANGGAN







# BAB 3


Library PCs for use by the public to develop their skills
On-Location Reporter - to develop confidence in public speaking
Library resources for knowledge enrichment and skills enhancement at Taylor's University Library, Subang Jaya, Selangor

# TERAS STRATEGIK


Menjadi pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan spiritual, intelektual dan emosi
PPAS
GAMBARAN KESELURUHAN
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
Perpustakaan Rumah Keduaku
Sikap Mulia Staf PPAS
Bantu beri ilmu dan keyakinan diri pada diri mereka
Perpustakaan selesa, bersih, cantik, lengkap dan koleksi menarik
Staf PPAS yang mempunyai ownership tinggi, prihatin, ceria, positif dan berintegriti tinggi
Pentadbiran dan Pengurusan
Kos efektif, berkualiti dan berintegriti
Sokongan & Teknikal (IT & Pemprosesan Buku)
Cekap, mesra dan berteknologi tinggi
Perkhidmatan Perpustakaan
Prihatin, mesra & profesional
Perubahan Hati, Minda dan Sikap
Pembinaan Kepimpinan
Pembinaan Keupayaan


TRANSFORM LIBRARIES, TRANSFORM SOCIETIES
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
LIBRARIES of MALAYSIA
14 STATES IN MALAYSIA
PERLIS KEDAH PENANG PERAK SELANGOR WILAYAH PERSEKUTUAN NEGRI SEMBILAN MELAKA JOHOR PAHANG TERENGGANU KELANTAN SARAWAK SABAH
VISION
WHEN THE LIBRARIES CAN TRANSFORM IN THESE 5 KEY AREAS, WE CAN ALSO HELP SOCIETIES IMPROVE THEIR LIVES IN THE FOLLOWING ASPECTS:
1 FINANCIAL •Meeting point •Human development centre
2 CAREER •Learning centre •Human development centre
3 FAMILY •Second home •Human development centre
4 HEALTH •Recreational centre
5 SPIRITUAL •Second home •Learning centre
1 Library as a Second Home
• Where one finds love, peacefulness and tranquillity
Raja Tun Uda Library, Shah Alam, Selangor
Bank Rakyat Library, Kuala Lumpur (Special library, open to public)
Rural Library
NATIONAL LIBRARY of MALAYSIA
SELANGOR PUBLIC LIBRARY
SARAWAK STATE LIBRARY
2 Library as a Learning Centre
• Where one finds endless resources for knowledge and information to enrich oneself intellectually, emotionally and spiritually.
u-Library at www.u-library.gov.my
Petroleum Resource Centre, at Petronas Twin Towers KLCC
Doorstep delivery service for borrowing
Taylor's University Library, Subang Jaya, Selangor
PETROSAINS Johor Public Library
SAMSUNG SMART Library Terengganu Public Library
e-Payment and mobile facilities at the u-Pustaka kiosk and portal
3 Library as a Meeting Point
• Where people meet up to help them gain financial freedom, strengthen social connection, and build collaboration.
Raja Tun Uda Library, Shah Alam, Selangor
4 Library as a Recreational Centre
• Healthy Body, Healthy Mind
• Gymnasium indoor and outdoor
Raja Tun Uda Library, Shah Alam, Selangor
Outdoor recreation at a branch library
Gymnasium at Melaka Public Library
5 Library as a Human Development Centre
• Where people can rely on the library's various resources and facilities to enhance soft skills and hard skills for career development
Library PCs for use by the public to develop their skills
On-Location Reporter – to develop confidence in public speaking
Library resources for knowledge enrichment and skills enhancement at Taylor's University Library, Subang Jaya, Selangor
information


VISION
WHEN THE LIBRARIES CAN TRANSFORM IN THESE 5 KEY AREAS, WE CAN ALSO HELP SOCIETIES IMPROVE THEIR LIVES IN THE FOLLOWING ASPECTS:
1
FINANCIAL
•Meeting point
•Human development centre
2
CAREER
•Learning centre
•Human development centre
3
FAMILY
•Second home
•Human development centre
4
HEALTH
•Recreational centre
5
SPIRITUAL
•Second home
•Learning centre

# NILAI BERSAMA



# TERAS PERTAMA

## Tingkatkan Pengurusan Kos Yang Efektif & Berkualiti

Pengurusan sumber yang cekap dan efektif merupakan aspek yang sangat penting dan sentiasa diberi perhatian. Strategi memperkasakan pengurusan sumber ini dapat direalisasikan dengan mengambil kira aspek pengambilan kakitangan, pelan penggantian, sistem pangkalan data kakitangan, latihan, penilaian dan pengiktirafan.

Pembangunan modal insan juga akan diselaras melalui kajian kompetensi, latihan, bengkel-bengkel "team building" yang bersesuaian samada secara dalaman atau luaran. Pengurusan juga berhasrat mewujudkan kakitangan berkemahiran, berintegriti, berinovatif, proaktif, berkarisma, berbudi tinggi, sanggup "extra mile" serta berfikiran analisis dan mempunyai jiwa murni/sentiasa menjaga kebajikan kakitangan di bawah seliaannya. Pustakawan juga akan didedahkan dengan lawatan-lawatan "benchmarking" /best practice yang bersesuaian supaya sentiasa berfikiran diluar kotak.

PPAS juga akan memantapkan pengurusan penyediaan belanjawan kewangan dan aset serta pentadbiran am, disamping memperkukuhkan lagi Pengurusan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dengan memastikan peruntukan yang diterima dibelanjakan mengikut program dan jadual yang ditetapkan.

Manakala Pembangunan perpustakaan akan dilaksanakan secara berperingkat dengan menumpukan lokasi strategik seperti ditaman perumahan, pinggir Bandar dan kawasan-kawasan yang menjadi pesaing perpustakaan. Projek-projek pejenamaan semula bangunan akan dibuat secara berfasa, supaya komuniti ingat dan selesa disamping menghargai kemudahan yang disediakan.

# OBJEKTIF


Memperkukuhkan organisasi PPAS
Memantapkan pengurusan kewangan
Memantapkan prasarana perpustakaan
Merancang & Melaksanakan pembangunan perpustakaan

# TERAS KEDUA

## Perkukuhkan pengurusan sokongan & teknikal yang cekap, mesra & berteknologi tinggi



Pembangunan dan perancangan koleksi perpustakaan diberi fokus utama bagi memastikan keperluan bahan bacaan dan maklumat pelanggan dipenuhi, serta untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang. Polisi pemilihan bahan yang mantap dan mengikut tren terkini akan diwujudkan.

Kemahiran proses pendokumentasian mengikut standard antarabangsa akan dikekalkan. Pengurusan akan sentiasa mengenalpasti kaedah dan tools terbaik /inovasi bagi mempercepatkan pemprosesan bahan.

Manakala dalam mempertingkat dan mempercepatkan pengurusan dan penggunaan teknologi maklumat, program-program juga dirangka untuk memastikan kelangsungan IT sebagai *enabler* dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan pelanggan yang berkesan.PPAS juga merancang meneruskan sistem perpustakaan berkomputer sehingga ke peringkat desa serta memanfaatkan sumber ilmu pengetahuan dengan mengenalpasti produk digital atau pangkalan data yang bersesuaian dengan sasaran perpustakaan.

# OBJEKTIF

**Pembangunan dan perancangan koleksi**

Pembangunan dan perancangan koleksi perpustakaan diberi fokus utama bagi memastikan keperluan bahan bacaan dan maklumat pelanggan dipenuhi, serta untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang. Polisi pemilihan bahan yang mantap dan mengikut tren terkini akan diwujudkan.

**Pendokumentasian**

Kemahiran proses pendokumentasian mengikut standard antarabangsa akan dikekalkan. Pengurusan akan sentiasa mengenalpasti kaedah dan tools terbaik /inovasi bagi mempercepatkan pemprosesan bahan.

**Teknologi Maklumat & Knowledge Management**

Manakala dalam mempertingkat dan mempercepatkan pengurusan dan penggunaan teknologi maklumat, program-program juga dirangka untuk memastikan kelangsungan IT sebagai *enabler* dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan pelanggan yang berkesan. PPAS juga merancang meneruskan sistem perpustakaan berkomputer sehingga ke peringkat desa serta memanfaatkan sumber ilmu pengetahuan dengan mengenalpasti produk digital atau pangkalan data yang bersesuaian dengan sasaran perpustakaan.

**Knowledge Management**

Knowledge Management berperanan bagi menjadikan PPAS sebagai Organisasi Berpembelajaran (Learning Organisation). Di antara inisiatif Unit ini adalah melalui perkongsian ilmu sama ada di dalam jabatan atau kepada pelanggan dan masyarakat.

# TERAS KETIGA

## Meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan yang mesra dan profesional.

Gerakan menjejaki pelanggan dan pembaca dan membangunkan program literasi akan diteruskan. Program –program “out of the box” akan dikenalpasti.

PPAS juga berperanan sebagai pusat kecermerlangan ilmu dan maklumat negeri Selangor melalui perkhidmatan perpustakaan dan maklumat bagi memenuhi keperluan pelanggan serta penyelidik.

PPAS akan memantapkan pembangunan pembinaan Koleksi Selangor untuk rujukan pembaca umum dan penyelidik.

Teras ini juga akan mewujudkan inisiatif dan program-program penyelidikan yang memberi manfaat kepada PPAS.

**OBJEKTIF:**

1. Memantapkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan
2. Memantapkan pengurusan perkhidmatan pelanggan
3. Memantapkan pengurusan perkhidmatan pelanggan
4. Memperluaskan komuniti pembaca
5. Memperkembangkan budaya membaca dan masyarakat

**TERAS PERKHIDMATAN 1**
**MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN YANG KOS EFEKTIF , BERKUALITI DAN BERINTEGRITI**

## 1. PENTADBIRAN /SUMBER MANUSIA/KUALITI

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Membangun modal insan yang holistik** | a.Melaksanakan penstrukuran semula organisasi setiap 5 tahun sekali | i.Mengkaji peluasan dan penambahan fungsi aktiviti/bahagian<br><br>ii. Menyediakan Kertas Cadangan Penstrukuran Semula Organisasi PPAS- semakan perjawatan | Masa<br><br>Bilangan draf kertas | 5 tahun sekali<br><br>6 draf kertas | 2016-2020<br><br>2016-2020 |
| | b.Membangunkan program pembangunan sumber manusia | i.Meneruskan program latihan dalam bidang kepustakawanan<br><br>ii. Menghantar pegawai/kakitangan mengikuti menghadiri program peringkat ijazah Sarjana/Kedoktoran | Jumlah program<br><br>Bilangan pegawai | 12 program setahun<br><br>2 pegawai | Sepanjang tahun<br><br>Menerima ijazah pada<br><br>2019-2020 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | iii. Menyediakan latihan berkonsep pembangunan modal insan | Bilangan latihan | 6 latihan setahun | 2016-2020 |
| | | iv Membuat penempatan pegawai di perpustakaan yang ditandaaras | Bilangan/ Kajian impak | 2 pegawai/ 1 kajian | 2019-2020 |
| | | v. Mengadakan lawatan benchmarking | Jumlah lawatan | Satu lawatan/ Laporan | 2016-2020 |
| | | vi. Menyediakan Pelan Operasi Latihan | Bilangan dokumen | 1 dokumen | 2018-2020 |
| | | vii. Menyediakan Pelan Penggantian | Bilangan pelan | 1 dokumen | 2018-2019 |
| | | viii.Melantik dan menyerap kakitangan bertaraf kontrak sebagai kakitangan tetap. | Bilangan kakitangan | 10 kakitangan | 2016-2020 |

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | c. Membentuk warga kerja yang multitasking | i.Sistem pusingan kerja<br>-Melaksana skop kerja mengikut kemahiran<br><br>ii.Group binding crew | Masa<br><br>Masa | 5 tahun sekali<br><br>15-20 orang | 2016-2020<br><br>2016-2020 |
| | d.Pendedahan diperingkat antarabangsa | Penyertaan di IFLA<br><br>i)Penyertaan Poster Session<br><br>ii)Penyertaan Pavillion Malaysia<br><br>iii)Pembentangan Kertas Persidangan<br><br>iv)Penghantaran peserta | Masa/Jumlah<br><br>Masa<br><br>Masa/Jumlah<br><br>Jumlah | 1 poster/tahun<br><br>Setahun sekali<br><br>1 kertas /tahun<br><br>5 peserta/setahun | 2016-2020<br><br>2016-2020<br><br>2016-2020<br><br>2016-2020 |

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Memperkukuhkan organisasi PPAS** | a.Menggubal dan mengemaskini dasar dan polisi PPAS | i.Pemurnian dokumentasi PPAS: Polisi MPK/FM/Piagam/ | Masa / Bilangan | 3- 5 polisi | 2018-2020 |
| | | ii.Mengkaji semula enakmen berkaitan PPAS | Masa/ Bil draf | 6 draf | 2019-2020 |
| | b.Menambahbaik nilai-nilai murni warga kerja | i)Amalan Solat di awal waktu/Solat berjemaah<br>ii)Menghadiri majlis ilmu yang santai<br>iii)Bertugas di dalam pasukan<br>iv)Mengamalkan konsep sedekah<br>v)Usrah pengurusan bersama Ketua Bahagian | Masa / Bilangan<br>Masa / Bilangan<br>Masa / Bilangan<br>Masa / Bilangan<br>Masa / Bilangan | Sepanjang masa<br>Sebulan sekali<br>Setiap kali program<br>Sebulan sekali<br>Seminggu sekali | Sepanjang masa |
| | c.Meningkatkan hubungan yang harmonis di antara pengurusan dan kakitangan | i)Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan dan kakitangan (Roadshow Pengurusan) | Masa/Bilangan | Dua bulan sekali | 2018-2020 |
| | | ii)Table Talk | Masa/Bilangan | Sebulan sekali | 2016-2020 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF** | **STRATEGI** | **PELAN TINDAKAN** | **UKURAN** | **PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)** | **SASARAN** |
| | | iii)Memantapkan sistem pengikirafan melalui penganugerahan khidmat cemerlang dan mengesyorkan kurnia pingat dan darjah kebesaran | Jumlah | % | 2016-2010 |
| Memantapkan sistem pengurusan kualiti | **d.Pelaksanaan dan pemantauan program kualiti** | i)Kearah persijilan MS ISO versi 2015<br><br>ii)Menambah skop lokasi bagi persijilan ISO ke daerah-daerah<br><br>iii)Melaksanakan amalan EKSA<br><br>iv)Memantapkan pengurusan pengetahuan dan maklumat (knowledge sharing) | Masa<br><br>Masa/Jumlah daerah<br><br>Masa | Tiada NCR<br><br>Dua daerah<br><br>85% dilaksanakan | 2018<br><br>2019-2020<br><br>2019 |

## 2. KEWANGAN

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Memantapkan Pengurusan Kewangan** | a.Meningkatkan akautabiliti pengurusan kewangan | i.Pemantauan prestasi belanjawan dengan mengoptimumkan perbelanjaan mengurus | % perbelanjaan | perbelanjaan tidak melebihi peruntukan | 2016-2020 |
| | | ii.Mengadakan perancangan latihan skop kewangan yang sistematik | Masa/bil | 2 kali latihan setahun | 2016-2020 |
| | | iii.Meningkatkan sistem pemantauan pengurusan melalui susulan pemeriksaan audit | Masa | | 2016-2020 |
| | | a)Audit Penyata Kewangan | Masa | Setahun sekali<br>Sijil Bersih | 2016-2020 |
| | | b)Audit AI | Masa | 3 tahun /sekali<br>Penarafan 4 bintang | 2016-2020 |
| | | c)Audit Dalam | Masa | 3 tahun /sekali<br>0 NCR | 2016-2020 |
| | | d)Audit Mengejut | Masa | Tidak ditentukan masa<br>Kurang dari 5 ketidakpatuhan | 2016-2020 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | e)Audit Perpustakaan Negara | Masa | Tidak ditentukan masa<br>Kurang dari 5 ketidakpatuhan | 2018-2019 |

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Memantapkan Pengurusan Kewangan** | b.Meningkatkan kepuasan hati dan keyakinan stakeholders melalui kecekapan operasi | i.Menyediakan laporan yang tepat dan memberi maklumbalas audt mengikut tempoh masa yang ditetapkan | Masa | Kurang daripada 30 hari | 2016-2020 |
| | c.Meningkatkan sistem e kewangan yang sempurna dan "realibilty" | i.Meningkatkan kupayaan penyampaian perkhidmatan kewangan | Masa | 60% penggunaan melalui sistem | 2016-2020 |
| | d.Kawalan kewangan dan Perbelanjaan | iPerbelanjaan berhemah mengikut peraturan yang ditetapkan<br><br>ii.Pembayaran mengikut peraturan yang ditetapkan | % perbelanjaan<br><br>% kepuasan pembekal | perbelanjaan tidak melebihi peruntukan | 2016-2020<br><br>2016-2020 |
| **Pemantapan pengurusan aset** | Melaksanakan pelupusan aset untuk perpustakaan yang | i)Mengemaskini senarai aset<br><br>ii)Mengadakan lawatan dan pemeriksaan awal | Masa/Bilangan | 10 perpustakaan | 2016-2020 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | dinaik taraf | iii)Mengesahkan aset yang perlu dilupus | | | |

### 3. PEMBANGUNAN

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Merancang dan melaksanakan pembangunan perpustakaan berdasarkan RMK11** | a)Menaik taraf Perpustakaan **Daerah**<br><br>25000kps<br>2 tingkat | i) Gombak (2016) – 25kps<br>ii)Sabak Bernam(2016)– 25kps<br>iii)Kuala Selangor(2019)–24kps<br>iv)Hulu Selangor(2018)– 25kps<br>v) Hulu Langat (2018) – 23kps<br>vi)Kuala Langat (2018)– 25kps | Masa/<br>Jum projek | **6 projek** | **2016-2020** |
| | b)Menaik taraf Perpustakaan **Pekan**<br><br>2000- 3000kps | i)Pekan Bestari Jaya (2019) – 3000kps<br>ii)Pekan dataran Sabak (2018) – 5000kps<br>iii)Pekan Sekinchan (2016) – 3500kps<br>iv)Pekan Hulu Bernam (2017) – 3500kps | Masa/Jum projek | **4 projek** | **2017-2020** |
| | c)Membina baru Perpustakaan Desa | i)PJS @ Kg.Lindungan (2016) – 3500kps<br>ii)Taman Sri Medan, Kuala Langat (2017)<br>iii)Dataran Prima, Ampang (2018) | Masa/Jum projek | **3 projek** | **2017-2020** |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | d) Smart Partnership | i) PPAS @ The School, Jaya One – 4000kps<br>ii) PPAS @Centrus Mall, Cyberjaya – 2000kps | Masa/Jum projek | **2 projek** | **2018 - 2020** |

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | d)Menaiktaraf Perpustakaan Desa | i)Sg Selisik (2016) – 1,261kps<br>ii)Bt 14, Hulu Langat (2016)-1,759kps<br>iii)Sijangkang, Kuala Langat (2016) – 1074kps<br>iv)Jenderam Hilir, Sepang (2016) – 1726.1kps<br>v)Dato Ahmad Razali (2016) – 2291kps<br>vi)Taman Mawar, Cheras(2017) – 2000kps<br>vii)Binjai Jaya, Sabak Bernam (2017) – 1500kps<br>viii)Sg Gulang2 (2017) – 1496kps<br>vix) Ijok, Kuala Selangor (2017) - 1259<br>(vx) Jeram, Kuala Selangor (2018) – 1500kps<br>vxi) Bukit Kapar,Klang (2018) – 1130kps | Masa/Jum projek | 13 projek | 2017-2020 |
| | e)Membangun semula perpustakaan daerah | i)Daerah Klang (Bangunan Baru) - 60000kps<br>ii)Daerah Sepang – 60000kps | Masa/Jum projek | 2 projek | 2018-2020 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | f)Menaiktaraf Perpustakaan Cawangan | i)Perpustakaan Tg Karang | Masa/Jum projek | 1 projek | 2016-2020 |
| | g)Mengenalpasti impak / Keberkesanan | i)Menjalankan kajian impak keberkesanan perpustakaan baru /naiktaraf | Masa /Jumlah | 1 projek/satu kajian | 2018-2020 |

**PENYELENGGARAAN**

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Memantapkan prasarana perpustakaan** | Menambahbaik perkhidmatan penyelenggaraan di bsemua perpustakaan. | i)Mengganti kenderaan pejabat.<br><br>ii)Mewujudkan sistem peringatan penyelenggaraan berkala | Masa | 1 sistem | 2018-2019 |
| **Memantapkan prasarana perpustakaan** | Menaik taraf/pembaikan/ Pemuliharaan | Pembaikan tandas<br>Pembaikan surau<br>Menggantikan papan tanda<br>Memasang jeriji besi<br>Mengecat bangunan<br><br>Pendingin hawa | Masa/Jum | 1 – 3 tahun sekali | 2016-2020 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Tangki<br>MSB (Kalibrasi)<br>Bumbung<br>Hood/Kitchen Hub Kafe<br><br>Fire Fighting<br>Sistem PA dan skri | | | |

**4.KORPORAT**

| OBJEKTIF | STRATEGI | PELAN TINDAKAN | UKURAN | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Mempromosikan perpustakaan** | Merancang, mengurus & mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap program & aktiviti, serta majlis rasmi | Menerbitkan Laporan Tahunan Kepada stakeholder dan yang berkepentingan | Masa/ Jumlah | 1 terbitan/setahun | 2016-2020 |
| | Mengenalpasti bahan edaran memaklumkan perpustakaan baru | Mencetak brosur maklumat/panduan perpustakaan | Masa/ Jumlah | Setahun sekali | 2016-2020 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
